



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Kewangan (Bank dan Institusi Kewangan) 1986

DR.35/1986

**RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN
(BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN) 1986**

SUSUNAN FASAL

BAB I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas.
2. Pindaan bagi Ordinan dan Akta-Akta.

BAB II

**PINDAAN-PINDAAN KEPADA ORDINAN BANK
NEGARA MALAYSIA 1958**

3. Pindaan seksyen 2.
4. Pindaan seksyen 15.
5. Pindaan seksyen 30.

BAB III

**PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA SYARIKAT
KEWANGAN 1969**

6. Pindaan seksyen 3A.
7. Pindaan seksyen 21.
8. Seksyen baru 21B.
9. Pindaan seksyen 23.

BAB IV

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA BANK 1973

10. Pindaan seksyen 21.

BAB V

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA BANK ISLAM 1983

11. Pindaan seksyen 19.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Syarikat Kewangan 1969, Akta Bank 1973 dan Akta Bank Islam 1983.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAB I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kewangan (Bank dan Institusi Kewangan) 1986.

Tajuk ringkas.

2. Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Syarikat Kewangan 1969, Akta Bank 1973 dan Akta Bank Islam 1983 adalah dipinda masing-masingnya mengikut cara yang dinyatakan dalam Bab II, III, IV dan V.

Pindaan bagi Ordinan dan Akta-Akta. Ord. 61/58, Akta 6, Akta 102 dan Akta 276.

BAB II

PINDAAN-PINDAAN KEPADA ORDINAN BANK NEGARA MALAYSIA 1958

3. Seksyen 2 Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, yang disebut "Ordinan" dalam Bab ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas tafsiran "Board", tafsiran baru "certificate of deposit" yang berikut:

Pindaan seksyen 2. Ord. 61/58.

"certificate of deposit" means a document relating to money, in any currency, which has been

deposited with the issuer or some other person, being a document which recognises an obligation to pay a stated amount to bearer or to order, with or without interest, and being a document by the delivery of which, with or without endorsement, the right to receive that stated amount, with or without interest, is transferable; ”.

Pindaan
seksyen 15.

4. Seksyen 15 Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4), subseksyen baru (5) yang berikut:

“(5) Subject to section 49, the Bank may, with the approval of the Minister, out of the funds of the Bank, create and maintain a trust account to be called “the Bank Negara Malaysia Staff Welfare Account” for the benefit of its officers and employees, including their dependents.”.

Pindaan
seksyen 30.

5. Subseksyen (1) seksyen 30 Ordinan adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “three” di mana jua ianya terdapat dalam perenggan (e) dan (l) dengan perkataan “twelve”;

(b) dengan menggantikan perkataan “six” dalam perenggan (f) dengan perkataan “twelve”;

(c) dengan memasukkan selepas perkataan “months” di mana jua ianya terdapat dalam perenggan (e), (f) dan (l) perkataan-perkataan “or such period as may be approved by the Minister on the recommendation of the Board”;

(d) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “the Government” dalam perenggan (fff) perkataan-perkataan “or the Bank”;

(e) dengan memasukkan selepas perenggan (mmm), perenggan baru (mmmm) yang berikut:

“(mmmm) establish a central bureau to collect, in such manner and to the extent as the Bank may think fit, information on and relating to rejection by a paying bank of any cheque for reason of insufficient funds in the account of the drawer of the cheque, and to disclose any such information to any bank for the purpose only of assisting the bank to assess the eligibility of the drawer to maintain or open any current account with the bank;” dan

(f) dengan memasukkan selepas perenggan (n), perenggan baru (nn) dan (nnn) yang berikut:

“(nn) place deposits in any bank or finance company licensed under the Finance Companies Act 1969 within the Federation;

(nnn) purchase, under repurchase agreements, and subject to such terms as may be approved by the Minister on the recommendation of the Bank, and sell any certificate of deposit issued by any bank or finance company licensed under the Finance Companies Act 1969;”.

BAB III

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA SYARIKAT KEWANGAN 1969

6. Subseksyen (1) seksyen 3A Akta Syarikat Kewangan 1969, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “oleh orang itu” di mana jua ianya

Pindaan
seksyen 3A.
Akta 6.

terdapat dalam perenggan (a) dan (b) dengan perkataan-perkataan “sama ada dalam Bahasa Kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris atau dalam apa-apa bahasa lain”;

(b) dengan menggantikan koma di hujung perenggan (b) dengan noktah; dan

(c) dengan memotong perkataan-perkataan “selepas 31hb Disember 1979.” dalamnya.

Pindaan
seksyen 21.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 21 dengan seksyen 21 baru yang berikut:

“Larangan memberi pendahuluan, pinjaman atau kemudahan-kemudahan kredit kepada pengarah, pegawai dan pekerja. 21. (1) Melainkan jika dikecualikan selainnya oleh Bank Negara, dengan atau tanpa syarat, atau kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (2) atau (4), tiada syarikat kewangan berlesen boleh memberi pendahuluan, pinjaman atau kemudahan-kemudahan kredit kepada—

(a) mana-mana daripada pengarah, pegawai atau pekerja atau lain-lain orang sebagai orang yang sedang menerima saraan daripadanya (selain daripada akauntan, peguambela dan peguamcara, arkitek, ejen harta tanah, doktor dan mana-mana orang lain yang menerima saraan daripadanya berkenaan dengan perkhidmatan profesional mereka);

(b) mana-mana firma dalam mana mana-mana daripada pengarah, pegawai atau pekerja ada kepentingan sebagai pekongsi, pengurus, ejen atau penggerenti;

(c) mana-mana perbadanan dalam mana mana-mana daripada pegawai atau pekerja adalah seorang pengarah, pengurus, ejen atau penggerenti, atau mana-mana perbadanan yang dalam syernya mana-mana daripada pegawai

atau pekerjaanya ada mempunyai apa-apa kepentingan material sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Negara;

(d) mana-mana perbadanan dalam mana mana-mana daripada pengarahnya (bukannya pengarah eksekutif, yang dia termasuk dalam had peruntukan-peruntukan perenggan (c) menurut subseksyen (3)) adalah seorang anggota, pengarah, pengurus, ejen atau penggerenti, atau mana-mana perbadanan yang dalam syernya mana-mana pengarah syarikat kewangan berlesen itu ada mempunyai apa-apa jua kepentingan secara langsung atau secara tak langsung; atau

(e) mana-mana individu yang kepadanya mana-mana daripada pengarah, pegawai atau pekerjaanya itu seorang penggerenti.

(2) Suatu syarikat kewangan berlesen boleh memberi kepada mana-mana daripada pegawai atau pekerjaanya pinjaman-pinjaman yang diperuntukkan di bawah skim perkhidmatanya yang berkenaan dan, jika syarikat kewangan berlesen berpuas hati bahawa wujudnya hal keadaan khas atau belas kasihan, suatu pinjaman tidak melebihi pada mana-mana satu masa enam bulan saraan pegawai atau pekerja itu mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh syarikat kewangan berlesen itu.

(3) Peruntukan-peruntukan perenggan (c) subseksyen (1) dan subseksyen (2) hendaklah juga terpakai bagi pengarah-pengarah eksekutif syarikat kewangan berlesen.

(4) Peruntukan-peruntukan perenggan (d) subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi pemberian pendahuluan, pinjaman atau kemudahan-kemudahan kredit oleh syarikat kewangan berlesen kepada—

(a) suatu perbadanan yang ada disenaraikan dalam bursa saham yang diakui dan yang dalam syer-syernya tiada pengarah syarikat kewangan berlesen ada mempunyai, secara langsung atau secara tak langsung, apa-apa kepentingan material sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Negara; dan

(b) suatu syarikat awam dalam mana seorang pengarah syarikat kewangan berlesen itu tidak mempunyai kepentingan atas sifat peribadinya sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Negara:

Dengan syarat bahawa bagi maksud-maksud subseksyen ini pengarah yang berkenaan itu bukanlah seorang pengarah eksekutif syarikat kewangan berlesen itu.

(5) Mana-mana syarikat kewangan berlesen yang telah membuat apa-apa transaksi yang dilarang di bawah seksyen ini hendaklah tidak lewat daripada 30hb Jun 1988 atau suatu tempoh yang lebih lanjut sebagaimana yang dinyatakan oleh Bank Negara dalam sesuatu hal tertentu mendapatkan pembayaran balik pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit itu.

(6) Bagi maksud-maksud seksyen ini, “pengarah”, “pegawai” atau “pekerja” termasuklah isteri atau suami, ibu atau bapa atau anak seseorang pengarah, pegawai atau pekerja.”

8. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 21A, seksyen baru 21B yang berikut:

Seksyen
baru 21B.

“Larangan mengenai pemberian pinjaman, pendahuluan atau kemudahan kredit di bawah seksyen 21.

21B. Tiada syarikat kewangan berlesen boleh memberi apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit di bawah pengecualian yang disebut dalam subseksyen (4) seksyen 21 melainkan jika syarat-syarat yang berikut telah dipenuhi:

- (a) bahawa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit itu memenuhi standard-standard kelayakan kredit yang dikehendaki daripada lain-lain pemohon yang membuat pinjaman;
- (b) bahawa terma-terma pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit kepada syarikat kewangan berlesen itu tidaklah kurang baiknya daripada apa yang diberikan kepada yang lain-lain;
- (c) bahawa pemberian pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit akan memberi faedah terbaik kepada syarikat kewangan berlesen;
- (d) bahawa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit telah diluluskan dengan undian tidak kurang daripada dua pertiga daripada semua pengarah lain syarikat kewangan berlesen dalam suatu mesyuarat yang diadakan dengan sempurnanya terdiri dari lembaga pengarah beranggota penuh dan kelulusan itu telah direkodkan dalam minit mesyuarat.”

9. Subseksyen (1) seksyen 23 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 23.

- (a) dengan memotong perenggan (a), (b) dan (d); dan

(b) dengan menggantikan perenggan (e) dengan perenggan (e) baru yang berikut:

“(e) mana-mana perbadanan atau syarikat awam yang disebut dalam subseksyen (4) seksyen 21;”.

BAB IV

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA BANK 1973

10. Seksyen 21 Akta Bank 1973 adalah dipinda—

(a) dengan memotong perkataan “dan” selepas perkataan-perkataan “Bank Negara;” di hujung perenggan (ca) subseksyen (1);

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (ca) subseksyen (1), perenggan baru (cb) yang berikut:

“(cb) walau apa pun peruntukan subseksyen (2) seksyen 36, suatu penyata yang menunjukkan maklumat itu berhubungan dengan pelanggan-pelanggannya sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud-maksud biro pusat yang ditubuhkan di bawah seksyen 30 (1) (mmmm) Ordinan Bank Negara Malaysia 1958; dan”;

(c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “perenggan (ca)” dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “perenggan (ca) dan (cb)”.

BAB V

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA BANK ISLAM 1983

11. Seksyen 19 Akta Bank Islam 1983 adalah dipinda—

(a) dengan memotong perkataan “dan” selepas perkataan-perkataan “Bank Negara;” di hujung perenggan (d) subseksyen (1);

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (d) subseksyen (1), perenggan baru (da) yang berikut:

“(da) walau apa pun peruntukan subseksyen (3) seksyen 34, suatu penyata yang menunjukkan maklumat itu berhubungan dengan pelanggan-pelanggannya sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud-maksud biro pusat yang ditubuhkan di bawah seksyen 30 (1) (mmmm) Ordinan Bank Negara Malaysia 1958; dan”; dan

(c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “perenggan (d)” dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “perenggan (d) dan (da)”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Syarikat Kewangan 1969, Akta Bank 1973 dan Akta Bank Islam 1983 kerana sebab-sebab yang dinyatakan di bawah ini.

2. *Fasal 3* bertujuan memasukkan tafsiran baru bagi “certificate of deposit”.

3. *Fasal 4* bertujuan memasukkan satu peruntukan ke dalam seksyen 15 Ordinan untuk membenarkan Bank Negara, dengan kelulusan Menteri dan daripada wang Bank, supaya mewujudkan dan menyenggara suatu akaun amanah bagi maksud mengadakan pemberian dan bantuan kewangan untuk faedah anggota-anggota kakitangan Bank Negara.

4. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 30 Ordinan untuk—

(a) membolehkan Bank Negara mengadakan kemudahan-kemudahan pembiayaan semula bagi keluaran-keluaran perkilangan dan pertanian dan juga memberi pendahuluan kepada bank yang dijamin dengan bil pertukaran yang layak selama tempoh dua belas bulan atau suatu tempoh yang lebih lanjut sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri atas syor Lembaga;

- (b) membolehkan Bank Negara membuat pendahuluan kepada mana-mana pihak berkuasa awam atau perbadanan dalam mana Bank Negara ada mempunyai kepentingan sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri;
- (c) memberi kuasa kepada Bank Negara untuk mengumpul dan menzahirkan maklumat mengenai dan berhubungan dengan kejadian-kejadian cek tak laku bagi tujuan hendak mengendalikan suatu biro pusat; dan
- (d) membenarkan perletakan deposit dengan, dan pembelian perakuan deposit boleh-niaga daripada, bank dan syarikat kewangan yang dilesen di bawah Akta Syarikat Kewangan 1969 di dalam negeri ini oleh Bank Negara.

5. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 3A Akta Syarikat Kewangan 1969 untuk melarang mana-mana orang, selain daripada syarikat kewangan berlesen atau mereka yang dikecualikan daripada Akta ibu, daripada menggunakan pada nama mereka perkataan-perkataan "syarikat kewangan" atau terbitnya, sama ada dalam Bahasa Kebangsaan, Inggeris atau dalam apa-apa bahasa lain.

6. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 21 untuk melarang syarikat kewangan berlesen daripada memberi pinjaman kepada pengarah dan anggota kakitangan mereka sebagaimana yang ditetapkan dan juga kepada enterpris perniagaan dalam mana mereka itu ada kepentingan.

7. *Fasal 8* bertujuan memasukkan seksyen baru 21B yang menghendaki syarikat kewangan berlesen supaya memastikan yang kepentingan syarikat kewangan dilindungi dan tidak ada penyalahgunaan kuasa oleh pengarah-pengarah syarikat kewangan berlesen dalam mendapatkan kemudahan kredit bagi perbadanan tertentu yang berkenaan.

8. *Fasal 9* bertujuan membuat suatu pindaan yang berbangkit kepada Akta Syarikat Kewangan 1969 yang timbul dari pindaan yang dicadangkan di bawah *Fasal 7*.

9. *Fasal 10* dan *11* bertujuan membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada Akta Bank 1973 dan Akta Bank Islam 1983 yang timbul dari cadangan menubuhkan biro pusat di bawah seksyen 30 (1) (mmmm) Ordinan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1411.]